



**KENYATAAN MEDIA
YAB TUN DR MAHATHIR MOHAMAD
PERDANA MENTERI MALAYSIA**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KHAS KABINET MENGENAI ANTI RASUAH (JKKMAR)
21 SEPTEMBER 2018**

1. Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah (JKKMAR) pada hari ini telah mengadakan mesyuarat kali yang keempat.
2. Pada hari ini, sebanyak 7 (tujuh) kertas telah dibentangkan. Kertas-kertas ini memfokus aspek melonjakkan lagi imej negara dalam aspek governans, integriti, antirasuah dan hak asasi manusia.
3. Antara perkara yang telah diputuskan pada hari ini:
 - [i] **Cadangan penyelarasan fungsi agensi-agensi** di bawah Pusat Governans, Integriti dan Anti Rasuah Nasional (GIACC). Penyelarasan fungsi agensi-agensi di bawah GIACC amat penting bagi memastikan dasar dan perancangan berkaitan governans, integriti dan antirasuah dapat dilaksanakan dengan berkesan.
 - [ii] **Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC)** akan diperkasakan dengan menjadikan **Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC)** – akan bertindak sebagai sebuah badan pemantau bebas yang lebih holistik.
 - [iii] **Biro Pengaduan Awam (BPA)** akan berfungsi sebagai **Ombudsman Malaysia**. Bagi tujuan ini, Akta Ombudsman berkaitan penubuhan Ombudsman ke arah pengurusan aduan awam yang lebih efektif di Malaysia akan digubal.

[iv] **Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) yang ditempatkan di bawah GIACC akan bertindak sebagai badan operasi membina kapasiti dan kompetensi agensi kerajaan dan korporat.** Model bisnes yang baharu akan diwujudkan bagi membolehkan INTEGRITI menjalankan fungsi ini.

[v] **Jabatan Integriti dan Tadbir Urus Negara (JITN) akan diserapkan fungsi ke dalam GIACC** dan akan dibincang bersama Jabatan Perkhidmatan Awam dengan mengambil kira aspek penjimatan di pihak kerajaan.

[vi] **Tadbir urus proses kenaikan pangkat pegawai-pegawai kumpulan pengurusan tertinggi dalam perkhidmatan awam akan ditambah baik. Mekanisme baharu diputuskan bagi mewujudkan proses kenaikan pangkat yang telus dan berintegriti bagi mengurangkan ketidakpuasan hati.** Sehubungan itu, dipersetujui untuk mengadakan Akta Perkhidmatan Awam.

[vii] **Penubuhan IPCMC bagi Polis Diraja Malaysia (PDRM) dipersetujui untuk dilaksanakan.**

[viii] **Ketua-ketua Misi Malaysia (HOM) seperti Duta dan Pesuruhjaya Tinggi hanya akan terdiri daripada kalangan pegawai-pegawai dalam perkhidmatan awam (*civil servants*).** Tidak akan ada pelantikan politik yang diamalkan oleh kerajaan sebelum ini.

[ix] **Mempertimbangkan syor SUHAKAM untuk memperkasakan SUHAKAM dengan meminda Akta SUHAKAM dan meratifikasi tujuh lagi konvensyen berkaitan hak asasi manusia, antaranya International Covenant on Civil and Political Rights, dan International Covenant on Economic, Social and Cultural Rights.**

4. Kerajaan telah bersetuju supaya YB Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, Menteri Hal Ehwal Ekonomi dan YB Datuk VK Liew, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, menjadi wakil Kerajaan untuk mengadakan perbincangan dengan parti-parti pembangkang bagi mendapatkan sokongan mereka terhadap perkara-perkara dan cadangan yang memerlukan pindaan Perlembagaan Persekutuan. Ini bagi membolehkan Kerajaan mendapat sokongan dua pertiga dalam Parlimen.

**JABATAN PERDANA MENTERI
PUTRAJAYA**

21 SEPTEMBER 2018